

AKUAN PEMOHON BAGI PERMOHONAN PROGRAM RMR PERAKKU PRIHATIN

Saya(Nama Penuh), No. Kad pengenalan adalah seorang warganegara Malaysia yang cukup umur dan sempurna akal dengan penuh kesedaran, relahati tanpa sebarang tekanan, paksaan dan dorongan mengaku, berikrar dan berjanji bahawa :

1. Saya sedar dan akur bahawa saya adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan keperluan yang dikenakan dalam permohonan untuk mendapatkan rumah di bawah Program RMR Perakku Prihatin (RMR PP) Yayasan Perak dan saya percaya bahawa saya memenuhi syarat-syarat tersebut dan adalah calon yang layak untuk menerima rumah RMR PP Yayasan Perak sekiranya permohonan saya diluluskan
2. Saya bekerja sebagai dengan pendapatan kasar sebulan berjumlah RM dan pasangan saya (suami/isteri) bekerja sebagai dengan pendapatan kasar sebulan berjumlah RM Maka, pendapatan seisi rumah adalah berjumlah RM sebulan. *[Pendapatan kasar bermaksud gaji pokok yang dipaparkan pada Slip Gaji]*
3. Saya telah berkahwin/janda/duda/balu dan mempunyai (orang) anak/tanggungan di bawah jagaan saya.
4. Saya dan pasangan (suami/isteri) mengaku bahawa TIDAK MEMILIKI RUMAH SENDIRI atau TIDAK MEMILIKI RUMAH YANG SEMPURNA UNTUK DIDIAMI dan permohonan ini merupakan permohonan bagi RUMAH PERTAMA.
5. Tapak cadangan yang dimohon adalah sesuai untuk pembinaan RMR PP Yayasan Perak, lokasi tanah juga adalah seperti di dalam Surat Hakmilik Tanah (Geran) yang telah dihantar bersama permohonan dan bebas daripada gadaian, sekatan atau bebanan ke atasnya. *[Tapak yang sesuai adalah tapak yang rata dan sedia untuk pembinaan yang berkeluasan tidak kurang 3,500 kaki persegi atau 325*

meter persegi, mempunyai jalan/akses ke tapak tanah yang boleh dimasuki kenderaan berat seperti lori/jengkaut, mempunyai sumber air dan elektrik yang berdekatan untuk kegunaan kontraktor pembinaan, tiada semak/pokok atau sebarang binaan serta tapak tanah bukan tanah berpaya/berbukit/berlombong] / [Suratan hakmilik (geran) mestilah asli, tiada gadaian/cagaran/kaveat dengan institusi kewangan lain, tiada sebarang sekatan untuk gadaian, mendapat kebenaran dari kesemua pemilik tanah sekiranya tanah bukan hak milik pemohon dan bukan bukan di dalam urusan Pejabat Tanah]

6. Saya dan pasangan bukanlah seorang yang bankrap/mufliis atau masih belum dilepaskan dari perintah kebankrapan yang dibuat oleh mana-mana Mahkamah yang mempunyai bidangkuasa yang sedemikian sama ada tempatan atau sebaliknya dan tiada sebarang tindakan undang-undang yang sedang dan akan diambil terhadap saya.
7. Saya mengaku bahawa saya telah menetap atau bermastautin melebihi 10 tahun di Negeri Perak
8. Saya sedar dan akur bahawa pihak Yayasan Perak pada bila-bila masa boleh menolak atau membatalkan permohonan saya dan berhak untuk menuntut apa-apa ganti rugi dan kos yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada meneruskan tindakan undang-undang terhadap saya sekiranya maklumat-maklumat deklarasi dan akuan yang saya berikan adalah tidak benar dan/atau palsu.
9. Saya sedar dan akur bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya untuk menunjukkan tapak cadangan yang sah seperti yang dicadangkan di dalam permohonan SRPP dan dipersetujui oleh Yayasan Perak melalui surat tawaran/dokumen perjanjian bagi pembinaan rumah RMR PP
10. Saya sedar dan akur bahawa pihak Yayasan Perak pada bila-bila masa mempunyai hak untuk membuat sebarang perubahan terhadap syarat-syarat dan terma-terma yang berkaitan di dalam RMR PP.

11. Saya sedar dan akur bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kenyataan di dalam surat akuan ini dan menanggung rugi segala kos/denda/penalty yang akan ditanggung dan akan dikenakan oleh Yayasan Perak akibat dari deklarasimaklumat-maklumat dan akuan palsu yang telah saya berikan.
12. Saya sedar bahawa keputusan terhadap permohonan saya adalah tertakluk kepada maklumat yang saya berikan di dalam surat akuan ini dan di dalam permohonan RMR PP
13. Saya juga sedar dan akur bahawa saya boleh dikenakan hukuman dan didenda di bawah Seksyen 199 dan juga Seksyen 420 Kanun Keseksan sekiranya saya disabitkan bersalah membuat pengesahan, deklarasimengisytiharan, pernyataan, waad dan akuan palsu
14. Saya dengan ini bersetuju, sedar dan faham dengan penuh kepercayaan bahawa segala yang disebut di atas adalah benar dan selaras dengan peruntukan Akta Akuan Bersumpah 1960.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui
 oleh orang yang tersebut namanya di atas

 No.K/P:.....
 di
 pada haribulan



.....

Di hadapan saya,

.....
 Tandatangan Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret
 atau Pesuruhjaya Sumpah